

Kerajaan jamin hak pendidikan bumiputera tidak terjejas

Semua kaum layak ke matrikulasi - PM

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Semua lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperoleh keputusan 10Aa dan ke atas bakal diberikan ruang melanjutkan pelajaran ke peringkat matrikulasi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kepu-

tusan itu dibuat mesyuarat Jemaah Menteri Jumaat lalu bagi memastikan semua pelajar cemerlang tanpa mengira kaum di beri tempat sama rata.

Katanya, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek akan memperincikan keputusan itu hari ini.

Bagaimanapun, Anwar menegaskan, kerajaan memberi jaminan hak pendidikan untuk

bumiputera tidak terjejas.

“Apabila anak-anak lulus SPM (memperoleh keputusan cemerlang) yang kemudian berdepan keterbatasan ruang pendidikan (dapat tempat pengajian tinggi) maka timbul masalah.

“Jemaah Menteri dengar keluhan rakyat dan melihat dan mengkaji cadangan. Kerajaan memutuskan semua lepasan

SPM yang memperoleh keputusan 10A dan ke atas tanpa mengira kaum Melayu, Cina dan India serta lain-lain harus diberikan jaminan tempat oleh kerajaan,” katanya dalam Majlis Kemuncak Minggu Latihan Kebangsaan (NTW) **2024** di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini, semalam.

Bersambung di muka 3

Semua kaum layak ke matrikulasi - PM

Dari muka 1

Sementara itu, Anwar berkata, beliau berbangga sambutan anak-anak muda terhadap program NTW yang amat memberangsangkan sekali gus menunjukkan mereka wajar diberi ruang dalam pelbagai sektor.

Katanya, pendekatan ini selari dengan pendekatan ekonomi negara untuk memacu pertumbuhan lebih tinggi dengan menarik peluang pelaburan.

“Ini maknanya kalau kerajaan beri peluang, anak-anak muda

tidak mempersiapkan. Usaha dibuat Kementerian Sumber Manusia dan HRD Corp ini telah memberi jaringan lebih luas khususnya memabitkan kawasan pedalaman tanpa mengira kaum,” katanya.

NTW yang berlangsung sejak 24 Jun lalu berjaya menerima **375,817** penyertaan dengan 65,115 kursus kemahiran di samping penglibatan 1,400 penyedia kursus.

Program itu merupakan satu minggu penuh dengan latihan dan aktiviti dengan menghimpunkan organisasi dan individu pelbagai latar belakang serta in-

dustri untuk berkongsi pembelajaran dan pembangunan bakat.

Semua latihan ditawarkan secara percuma itu berlangsung di pelbagai lokasi di seluruh negara itu serta melalui pelbagai mod dan platform pembelajaran.

Sementara itu, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, pihaknya mahu merancakkan kemahiran rakyat menerusi inisiatif dibuat NTW.

Katanya, lebih 65,000 kursus latihan percuma yang menelan kos RM323 juta telah diadakan di seluruh negara sejak NTW ber-

mula.

Paling membanggakan katanya, NTW telah menerima penyertaan seawal usia empat tahun hingga 73 tahun.

“Dalam dua hari ini, hampir **3,000** peserta mengikuti 70 kursus latihan dalam NTW 2024 yang berlangsung di Stadium Bukit Jalil,” katanya.

Menurut Steven Sim, ia menunjukkan rakyat mahu meningkatkan kemahiran dan bakat masing-masing menerusi pelbagai kursus latihan dianjurkan tersebut.